

## PENERAPAN PRAKTIKAL PELAJAR KLMUC DALAM PEACE PROGRAM 2.0

**Pulau Pinang, 8 Ogos 2016-** Seramai 23 pelajar dari Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC) dan 30 pelajar dari Kolej Cosmopoint Pulau Pinang telah menyertai program *Promoting Entrepreneurship Awareness & Community Engagement Program* (Peace 2.0) di Pulau Pinang pada 4 hingga 7 Ogos lalu. Program ini adalah anjuran Fakulti Pengurusan dan Teknologi Perniagaan dan adalah sebahagian daripada penerapan praktikal di dalam sistem pembelajaran di KLMUC.

Acara selama 3 hari ini bertujuan untuk memberi pengalaman keusahawanan kepada para pelajar, dan pada masa yang sama juga untuk memupuk kesedaran tanggungjawab sosial. Aktiviti 3 hari ni termasuk lawatan industri ke syarikat-syarikat seperti Penang Post Sdn Bhd, Kilang Jeruk Pak Ali dan Clarion Malaysia.

Ketua Program Ahmad Fauzi Bin Syafie, pelajar Sarjana Pengurusan Pentadbiran daripada Fakulti Pengurusan dan Teknologi Perniagaan berkata, "Saya merasa sangat gembira dapat menyertai Program Peace 2.0 ini. Program ini memberi pengalaman baru kepada saya di mana selama tiga hari saya didedahkan dengan pelbagai program termasuk lawatan industri dan aktiviti khidmat masyarakat membersihkan pantai bersama-sama pelajar Kolej Cosmopoint Pulau Pinang. Program ini banyak memberi pendedahan kepada saya selain hanya bergantung kepada teori dari buku teks dari dalam kelas,"

Aktiviti-aktiviti riadah dan tanggungjawab sosial turut disertakan seperti pembersihan pantai, aktiviti sukan air dan aktiviti meredah bukit dan mendaki gunung.

Pelajar antarabangsa KLMUC, daripada program Perniagaan dan Pembagunan Keusahawanan, daripada Fakulti Pengurusan dan Teknologi Perniagaan Nwoye Moses Ikechukwu berkata, "Saya berasa gembira saya menyertai program Peace 2.0 ini. Ia memberikan saya peluang untuk melawat syarikat-syarikat terkemuka dan memberi gambaran jelas tentang dunia keusahawanan. Ia juga menyeronokkan kerana saya juga dapat bertemu rakan-rakan baru dari Kolej Cosmopoint Pulau Pinang sambil melakukan aktiviti membersihkan pantai. Program ini telah mendorong saya untuk melibatkan diri dengan lebih giat lagi di dalam aktiviti tanggungjawab sosial yang lain."

Acara 3 hari ini berakhir dengan lawatan ke Kek Lok Si Temple dan aktiviti berbasikal di Penang Street Art. Semua pelajar KLMUC berangkat pulang ke Kuala Lumpur sekitar jam 3.00 petang.

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang aktiviti pelajar atau program yang tersedia di KLMUC ataupun Kolej Cosmopoint, sila layari: <http://klmuc.edu.my/> atau <http://cosmopointcollege.edu.my>.

**TAMAT**

### **Mengenai Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC)**

Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC) adalah sebuah institusi pengajian tinggi yang progresif dan inovatif dengan menawarkan lebih daripada 45 program di bawah empat fakulti dan satu pusat. Ditubuhkan pada tahun 2006 KLMUC kini menawarkan program Asasi, Diploma dan Ijazah yang menerapkan prinsip Aplikasi Dunia Nyata sebagai laluan kepada kejayaan profesional. KLMUC juga terus berusaha dalam membangunkan program-program yang relevan bagi memenuhi keperluan pelajar. Program-program akademik dibangunkan melalui perundingan dengan rakan-rakan perniagaan dan industri luar, sektor awam dan profesional. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.klmuc.edu.my](http://www.klmuc.edu.my)

### **Mengenai Kolej Cosmopoint**

Kolej Cosmopoint telah ditubuhkan pada tahun 1991 dengan sejumlah 11 kampus yang terletak di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak menyediakan keperluan pendidikan kepada seluruh masyarakat. Cosmopoint telah melahirkan seramai lebih 100,000 siswazah di seluruh negara. Institusi ini menyediakan pendidikan yang berkualiti berdasarkan pengalaman dunia sebenar, bagi membimbing pelajar tempatan dan antarabangsa dalam memacu kecemerlangan akademik. Kolej Cosmopoint kini menawarkan program-program industri seperti IT, Pengurusan Perniagaan, Perakaunan, E-Kesetiausahaan, Multimedia, Rekabentuk Grafik, Senireka Fesyen, Penyiaran dan Filem, Seni Kulinari dan Fisioterapi. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.cosmopointcollege.edu.my](http://www.cosmopointcollege.edu.my)

Untuk sebarang pertanyaan media:

Kumpulan Cosmopoint Sdn Bhd

Elyantie Mohamed

Pengurus, Penjenamaan & Komunikasi

Tel: (603) 2604 6113

E:elyantie.mohamed@cosmopoint.com.my

Yasmin Yusoff

Pegawai Kanan, Penjenamaan & Komunikasi

Tel: (603) 2604 6121

E:ainulyasmin.myusoff@cosmopoint.com.my